

14/09/1997

Mahathir mahu pelabur tempatan ke Kyrgyz

Zamzam Omar in Bishkek

BISHKEK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengakhiri lawatan kerja tiga hari ke Republik Kyrgyz, semalam, mahu syarikat Malaysia mengambil kesempatan daripada kadar pengangguran tinggi di Kyrgyz untuk melabur di republik itu.

Perdana Menteri berkata, Kyrgyz mempunyai kelebihan daripada segi kos buruh yang lebih rendah dan potensi tenaga kerja berkualiti.

"Ketika kita mula beralih kepada sebuah negara perindustrian dulu, kadar pengangguran di Malaysia tidak setinggi di sini. Ini wajar diambil peluang oleh syarikat Malaysia untuk membuat pelaburan di sini," katanya ketika berucap kepada ahli perniagaan Kyrgyz dan Malaysia di sini, malam kelmarin.

Dr Mahathir juga berharap lawatan kerjanya itu akan menghasilkan lebih banyak usahasama dan pelaburan di antara kedua-dua negara.

Di majlis itu, Dr Mahathir menyaksikan upacara menandatangani perjanjian pengedaran di antara Malaysia Electrical Corporation (MEC) dan Aziz Limited, sebuah syarikat Kyrgyz.

Beliau juga menyaksikan upacara penyerahan 15 peratus saham syarikat Kyrgyz, Ak Keme Joint Stock Company kepada Business Focus.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menyarankan Republik Kyrgyz menggalakkan sektor swasta mengadakan usaha sama dengan sektor swasta negara lain bagi memajukan ekonominya.

Perdana Menteri berkata, republik itu juga perlu beralih daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada perindustrian.

Kata Dr Mahathir, republik itu boleh menjadikan pengalaman Malaysia sebagai asas untuk membangunkan ekonominya.

"Apabila Malaysia memulakan perubahan daripada ekonomi pertanian kepada perindustrian, kami tidak mempunyai modal, tidak mempunyai kepakaran, tiada pasaran, tiada pengalaman eksport dan tiada kemahiran pengurusan.

"Sebab itu, ketika mula memasuki sektor industri, kita menggalakkan syarikat asing membuka perniagaan dengan pemilikan 100 peratus ekuiti," katanya.

Menurut Dr Mahathir berkata, pada waktu itu Malaysia hanya ingin mewujudkan peluang pekerjaan kerana berpendapat cara untuk memajukan ekonomi negara ialah dengan mengadakan pekerjaan untuk semua rakyat.

Hasil strategi itu, katanya, Malaysia hari ini tidak mempunyai cukup tenaga kerja untuk memenuhi peluang pekerjaan dan negara kini mempunyai 1.7 juta pekerja asing.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia yang pernah bekerja dengan syarikat asing, juga memperolehi kepakaran serta pengalaman untuk berdikari dan kini mengeluarkan sendiri barangan yang dahulunya dikeluarkan syarikat asing.

Beliau memberi contoh MEC yang pada mulanya beroperasi secara kecil-kecilan bagi membekalkan komponen tertentu kepada syarikat asing, kini mengeluarkan 200 jenis peralatan elektrik di bawah jenama sendiri.

Dengan itu, kata Perdana Menteri, Kyrgyz perlu menggalakkan penubuhan projek usahasama dan syarikat Kyrgyz di peringkat permulaan bolehlah menjadi pemegang minoriti saham syarikat.

"Apabila perniagaan berkembang, syarikat Kyrgyz boleh mengambil alih separuh daripada majoriti saham atau mengambil alih sepenuhnya syarikat usaha sama itu," katanya.

Menerusi cara ini, kata Dr Mahathir, syarikat Kyrgyz bukan saja dapat

berkembang, malah boleh memindahkan teknologi kepada republik itu.
(END)